

22/06/2003

Najib pegang kepada amalan tradisi Umno

DATUK Seri Najib Razak menegaskan beliau akan berpegang teguh kepada amalan tradisi Umno dengan pendirian memberikan sokongan kepada mana-mana naib presiden yang bakal dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Pada Pak Lah (Abdullah) saya yakin seluruh anggota parti akan memberi sepenuh kesetiaan kepada parti dan Pak Lah untuk terus menerajui dan memimpin parti dan bangsa menuju kecemerlangan.

"Pada Pak Lah juga apabila nanti perahu sudah di air... dayung sudah di tangan dan kompas sudah tersedia...berlayarlah warisan amanah bangsa ini dengan sebaiknya dan kita akan tetap bersama," katanya ketika menggulung perbahasan.

Merujuk ucapan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) berhubung pertandingan yang membabitkan pemimpin atasan Umno, Najib berkata:

"Tapi orang Umno ni sakan... bila kata jangan ada pertandingan kita semua tepuk tapi yang kuat tepuk itu juga yang mengapikan kita untuk berlawan... dan tidak kurang juga ada yang jumpa kata saya Datuk lawan Datuk."

Najib juga berkata, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesejnya pada ahli mengingatkan mereka bahawa musuh Umno tidak kuat dan tidak mungkin mengalahkan Umno melainkan orang Umno sendiri.

Beliau memberikan contoh perpaduan sebagai pokok yang tidak boleh ditumbangkan oleh kapak, tetapi jika pokok itu sendiri dijadikan ulu kapak, pokok yang kuat dapat ditumbangkan.

Justeru, katanya, untuk menjayakan parti, perjuangan Umno perlu berlandaskan prinsip bersatu, bersedia dan berkhidmat dengan aspirasi meningkatkan martabat bangsa dan agama.

"Ahli Umno perlu berpegang kepada prinsip bersatu teguh bercerai roboh, biar putih tulang jangan putih mata," katanya.

Sehubungan itu, katanya, setiap ahli Umno perlu berjiwa bersih dan amalannya mesti tulus, luhur, lurus, ikhlas dan murni.

"Umno mesti bersih daripada elemen gunting dalam lipatan, musuh dalam selimut, harapan pagar pagar makan mati, musang berbulu ayam, menangguk air keruh dan kacang lupakan kulit," katanya.

Mengenai Dr Mahathir, Najib berkata, ketokohnya tiada tolok bandingannya kerana beliau adalah arkitek Malaysia moden, reformis minda Melayu, jurubicara dunia ketiga dan pejuang kesejahteraan Islam sebenar.

Najib juga mencadangkan diwujudkan pusat kajian berhubung bangsa Eropah di Malaysia seperti yang ditekankan oleh Dr Mahathir dalam ucapan dasarnya.

"Teks ucapan dasar Dr Mahathir memuatkan 22 muka surat daripada 52 muka surat khusus mengenai bangsa Eropah. Saya fikir sudah tentu Dr Mahathir berpendapat perkara ini amat penting kerana kita perlu mengetahui dan mengenali bangsa Eropah, arah tuju serta aliran perkembangan mereka di dunia," katanya.

Beliau berkata, pusat seumpama itu penting bagi membolehkan bangsa Asia mengkaji bangsa Eropah seperti yang mereka lakukan terhadap bangsa lain.

(END)